



NAJIB
disambut
penghuni
rumah
panjang Jana
sempena
kunjungan
Gawai 2012
di Julau,
baru-baru ini.

Sambutannya bersejarah terima kunjungan PM



SEHARI menjelang 'Ngabang' Gawai Dayak, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, ke tiga kawasan di Bumi Kenyalang Ahad lalu, penulis sempat menjengah ke dua rumah panjang yang bakal dikunjunginya, Rumah George Chungut di Pakan, dan Rumah Jana, Batu Matop di Julau.

Ternyata masyarakat Iban di dua kawasan berkenaan sangat teruja menunggu ketibaan pemimpin nombor satu negara itu, malah mereka menganggap Gawai Dayak 2012 sebagai paling bersejarah bagi mereka kerana seorang Perdana Menteri akan memijakkan kaki ke rumah panjang yang terletak di hulu dan pedalaman, untuk bersama-sama meraikan perayaan yang disambut kira-kira 800,000 kaum Dayak di Sarawak itu.

Menyusur adat ketika sampai ke Rumah George Chungut, penulis terus menemui Tuai Rumah George Chungut untuk menyatakan hasrat melihat persiapan menjelang lawatan Perdana Menteri ke situ. Apa yang pasti, di mana-mana rumah panjang di Sarawak, sesiapa saja pasti betah dengan sambutan dan layanan mesra yang diberikan penghuni rumah panjang kepada tetamu, malah tidak salah jika dikatakan orang Iban memang nombor satu dari segi baik budi pekertinya apabila menerima kedatangan tetamu.

Selepas menemui tuai rumah, terlibat seorang lelaki tua berseluar pendek tidak berbaju di sudut rumah panjang 33 pintu itu menarik perhatian penulis. Lelaki tua itu terus menyapa sambil tersenyum dengan penulis, terus menghulur tangan mengucapkan 'Selamat Hari Gawai'.

"Gawai memang seronok. Kami seronok Gawai, tetapi tahun ini kami lebih seronok ada Perdana Menteri akan sambut Gawai bersama kami. Ini tidak pernah berlaku. Saya sudah ada sembilan cucu dan lima cicit, baru ini kali pertama seorang Perdana Menteri sanggup datang menyambut Gawai bersama kami.

"Najib endang ketua seMalaysia ka ibu k ai rakyat laban selalu ngabas rakyat menua pesisir," (dalam bahasa Iban yang bermaksud Najib semanganya pemimpin 1Malaysia berjiwa rakyat selalu menjenguk penduduk di

pedalaman) kata Mabong anak Ngumbang, 86, penghuni tertua daripada 230 penghuni Rumah George Chungut yang dibina pada 1986 itu.

Ketika di Rumah Jana, penghuni rumah panjang 72 pintu itu sibuk membuat persiapan daripada memasang bendera di sepanjang jalan, sehingga kepada membersih dan menghias rumah panjang, sedang kaum wanita sibuk di dapur membuat persiapan untuk jamuan besar-besaran menyambut kunjungan pemimpin negara.

Tuai Rumah Jana anak Saweng berkata, penduduk rumah panjang bertungkus lumus selama seminggu membuat persiapan walaupun ketika itu mereka turut sibuk menyambut perayaan Gawai, dengan rumah panjang berkenaan dihias dengan bunga jarau, iseng dan keresang.

Bermula dengan 'Ngabang' Gawai Dayak di Dewan Tan Sri Datuk Amar Stephen Kalong Ningkan di Betong, Najib terus ke Pakan dan ke Julau pada



Najib semanganya pemimpin 1Malaysia berjiwa rakyat selalu menjenguk penduduk di pedalaman

Mabong anak Ngumbang
Penghuni Rumah George Chungut



Ahad lalu, dengan kehadirannya jelas mendapat sambutan luar biasa daripada masyarakat Dayak yang ketika itu sibuk menyambut perayaan Gawai.

Di Betong Najib disambut lebih 2,000 penduduk, di Pakan lebih 3,000 penduduk memenuhi ruang di Rumah Panjang George Chungut dan paling luar biasa di Rumah Jana, Julau apabila lebih 5,000 penduduk bersesak di bahagian dalam dan luar rumah panjang 72 pintu itu.

Rasa teruja dengan kehadiran Najib menyebabkan ramai penghuni rumah panjang, bukan saja berebut-rebut bersalaman dan mengambil gambar dengan pemimpin 1Malaysia itu, malah ada yang mengenggam erat tangannya dan seakan enggan melepaskan tangan Perdana Menteri ketika bersalam.

"Ada yang bersalaman genggam kuat tangan saya...sehingga sakit juga tangan saya...tapi tak apa...asal undi bertambah," kata Najib ketika berseloroh dalam ucapannya sehingga menimbulkan riuh gelak ketawa penghuni rumah panjang berkenaan.

Selain mengumumkan 'ole-ole' RM5 juta untuk membina ibu pejabat Yayasan Kebudayaan Dayak (DCF) di Kuching ketika berucap di Betong, Najib turut bersetuju mempertimbangkan beberapa permintaan projek pembangunan untuk penduduk di Parlimen Julau.

Selain membuktikan sokongan padu masyarakat pribumi Sarawak kepada kepimpinan Najib, 'Ngabang' Gawai Dayak kali ini juga turut menyaksikan keutuhan perpaduan dan kerjasama di kalangan parti komponen BN di Sarawak. Mungkin ramai yang tidak tahu Rumah Jana adalah kubu kuat Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) dengan majoriti penghuninya orang PBB, namun majlis 'Ngabang' Gawai Dayak di rumah panjang itu dianjurkan Parti Rakyat Sarawak (PRS).

Tidak hairanlah ramai warga tua di rumah panjang itu turut menarik dan enggan melepaskan tangan Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, yang mengiringi Najib sepanjang 'Ngabang' Gawai berkenaan, kerana mereka sangat teruja dapat berjumpa Abdul Taib selaku Presiden PBB, selain Najib.

Begitu juga di sebalik 'perang dingin' yang dikatakan berlaku antara pemimpin PRS dan Parti Demokratik Progresif Sarawak (SPDP), kehadiran Najib menyatukan mereka dengan Presiden SPDP, Tan Sri William Mawan, dan Presiden PRS, Tan Sri Dr James Masing, bersama-sama mengiringi lawatan Najib.

Lirik lagu *Bekikis Bulu Betis* yang digubah semula oleh Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Alfred Jabu, yang didendangkan di Betong dan Pakan turut menarik perhatian Najib kerana seni katanya antara lain mengajak ibu bapa melabur wang untuk anak memasuki universiti sehingga ke peringkat PhD, berjuang demi kemajuan bangsa, mencari pekerjaan ke arah ekonomi berpendapatan tinggi, menjaga kestabilan negara dan menikmati kemakmuran negara..

Justeru Najib mahu lagu itu dibawa ke peringkat nasional yang akan dimainkan pada sambutan Hari Malaysia nanti. Beliau menggambarkan kesungguhan rakyat Sarawak untuk bangkit dan sanggup menempuh pelbagai cabaran.